



Kepada : Warga LGM
Daripada : Ketua Unit Pembangunan Sumber Manusia
Rujukan : LGM/KP/KUPSM/027
Tarikh : 13 Ogos 2024

**KENYATAAN UNIT PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA
BILANGAN 10 TAHUN 2024**

**PELAKSANAAN PENGGUNAAN FUNGSI MYDIGITAL ID – PENDAFTARAN
MYDIGITAL ID SECARA ATAS TALIAN**

Dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Untuk makluman YH. Dato'/YBrs. Dr/Tuan/Puan, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dengan kerjasama MIMOS Berhad telah membangunkan fungsi bagi penggunaan MyDigital ID dalam aplikasi mudah alih MyHRMIS Mobile. MyDigital ID ini adalah pengesahan pengenalan diri secara digital yang diwujudkan untuk keselamatan dan kecekapan urusan perkhidmatan dalam talian.

3. Dengan penggunaan fungsi MyDigital ID ini, kemudahan log masuk ke aplikasi MyHRMIS Mobile menggunakan ID HRMIS sedia ada akan ditutup dan pengguna hanya boleh menggunakan MyDigital ID untuk log masuk ke aplikasi berkenaan. Walau bagaimanapun, akses kepada aplikasi HRMIS 2.0 melalui laman web masih boleh menggunakan ID HRMIS seperti biasa.

4. Sehubungan dengan itu, Warga LGM dinasihatkan untuk mendaftar MyDigital ID dengan segera agar maklumat dan fungsi-fungsi yang terdapat di dalam MyHRMIS Mobile seperti Sejarah Perkhidmatan, Maklumat Rekod Peribadi dan Penggunaan E-GL dapat diakses seperti biasa.

5. Bersama-sama ini disertakan Surat Edaran JPA.100-15/3/5 (61) bertarikh 16 Mei 2024: Pelaksanaan Penggunaan Fungsi MyDigital ID Bagi Aplikasi Mudah Alih MyHRMIS Mobile, Video dan Poster langkah-langkah mendaftar MyDigital ID secara dalam talian untuk makluman dan rujukan YH. Dato'/YBrs. Dr/Tuan/Puan.

6. Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan lanjut berhubung perkara ini, YH. Dato'/YBrs. Dr/Tuan/Puan boleh menghubungi Urus setia HRMIS melalui emel: rashidah@lgm.gov.my / norazimah@lgm.gov.my / sarah@lgm.gov.my atau di talian 03-9206 2303/3766/2211.

7. Segala perhatian dan kerjasama YH. Dato'/YBrs. Dr/Tuan/Puan berhubung perkara ini amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“KREATIF, INOVATIF, PROGRESIF”



(IRWAN HARIS BIN ZAINAL ABIDIN)